



Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik

BAB ALAM SEKITAR

11 dan 12 Januari 2016

PENGENALAN BAB ALAM SEKITAR

- Bab Alam Sekitar mempunyai 18 Artikel merangkumi isu-isu utama mengenai alam sekitar seperti biodiversiti, konservasi, Peralihan kepada Ekonomi yang Berdaya Tahan serta Penggunaan Karbon yang Rendah, Pengurangan tarif bagi Barangan dan Perkhidmatan Alam Sekitar dan Perikanan laut
- Tujuan utama bab ini dimasukkan di dalam TPP adalah
 - bagi memastikan dasar perdagangan dan alam sekitar yang saling menyokong
 - Menggalakan tahap perlindungan alam sekitar yang tinggi
 - Memastikan semua undang-undang alam sekitar dikuatkuasakan secara efektif
 - Memastikan aktiviti perdagangan tidak menjejaskan perlindungan alam sekitar

Artikel Definisi



Untuk mendapatkan kesefahaman atau penafsiran yang sama berkenaan dengan maksud dan penggunaan beberapa istilah yang digunakan didalam teks.

Malaysia telah meghadkan skop undang-undang alam sekitar kepada undang-undang yang digubal di Parlimen dan hanya dikuatkuasakan pada peringkat Persekutuan sahaja. Undang-Undang Negeri adalah tidak tertakluk kepada bab ini.

Artikel Komitmen Umum



Artikel ini menerangkan mengenai komitmen umum yang seharusnya diambil kira oleh Kerajaan. Ia adalah mengenai penguatkuasaan undang-undang secara efektif dan tidak mengurangkan perlindungan terhadap alam sekitar dengan memberikan pengecualian atau pelepasan dengan tujuan menggalakkan pelaburan atau perdagangan.

Artikel Perikanan Laut



Artikel ini adalah untuk menangani masalah penangkapan ikan secara berlebihan dan penggunaan sumber ikan secara tidak mapan.

Artikel Penglibatan Awam



Artikel ini adalah untuk membenarkan mana-mana pihak/individu untuk mendapatkan maklumat berkenaan dengan pelaksanaan bab ini.

Artikel *Public Submission*



Artikel ini adalah untuk membenarkan orang ramai memberikan pandangan, komen atau aduan kepada kerajaan mengenai pelaksanaan bab ini.

Artikel Mekanisma Pasaran Secara Sukarela



Artikel ini adalah berkenaan dengan komitmen setiap negara anggota TPP untuk menggalakkan penggunaan Mekanisme Pasaran Secara Sukarela oleh pihak berkuasa yang berkaitan, perniagaan atau organisasi perniagaan dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO).



Artikel Perjanjian Pelbagai Hala Alam Sekitar

Artikel ini menerangkan hubungan antara Perjanjian Perdagangan Bebas dengan MEAs dan kewajiban semua pihak untuk memenuhi komitmen antarabangsa yang telah dipersetujui melalui MEAs. Terdapat tiga (3) MEAs yang telah dikenalpasti untuk dimasukkan ke dalam bab ini iaitu CITES, MARPOL dan *Montreal Protocol*.

Artikel Mekanisme Penyelesaian Pertikaian (Dispute Settlement Mechanism - DSM)



Artikel ini menerangkan prosedur untuk memulakan proses DSM bagi menyelesaikan sebarang pertikaian atau isu yang timbul di antara pihak yang terlibat. Bab alam sekitar ini adalah tertakluk kepada DSM yang berasaskan sekatan dan penalti.

Artikel Biodiversiti dan Perdagangan



Artikel ini adalah berkenaan dengan kewajipan semua Pihak untuk memelihara serta memastikan penggunaan secara mampan sumber-sumber genetik.

Artikel Peralihan kepada Ekonomi yang Berdaya Tahan serta Penggunaan Karbon yang Rendah



Artikel ini adalah untuk menangani isu perubahan iklim di dalam pendekatan kerjasama dengan fokus terhadap peralihan masyarakat kepada penggunaan karbon yang rendah.

Artikel Konservasi



Artikel ini adalah untuk menangani isu berkenaan dengan perdagangan haram kehidupan liar flora dan fauna.

Artikel Barangan dan Perkhidmatan Alam Sekitar



Artikel ini adalah berkenaan dengan kewajipan bagi setiap Pihak untuk menghapuskan tarif dan mempromosikan penggunaan barangan EGS.

Skop Pematuhan TPP



Klausa ini adalah untuk menangani tahap komitmen yang berbeza di kalangan negara-negara TPP memandangkan kebanyakan negara TPP telah menghadkan skop komitmen TPP yang hanya merangkumi Kerajaan Persekutuan sahaja.

ISU-ISU UTAMA YANG MUNGKIN BERBANGKIT



Isu 1: Hak Kedaulatan Negeri

Di dalam bab ini, hak kedaulatan negeri adalah dikekalkan dan diiktiraf di bawah Artikel 20.3 (2) iaitu “The Parties recognize the sovereign right of each Party to establish its own levels of domestic environmental protection and its own environmental priorities, and to establish, adopt or modify its environmental laws and policies accordingly”.

Adalah dimaklumkan bahawa kebanyakan elemen-elemen alam sekitar seperti tanah, air, hutan dan mineral adalah dibawah bidang kuasa Kerajaan Negeri seperti yang termaktub di dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Dengan adanya klausa ini, Kerajaan Negeri adalah bebas untuk mengubal dan meminda undang-undang alam sekitar atau keutamaanya bagi perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kerajaan negeri tanpa tertakluk kepada Bab ini dan sejajar dengan dasar-dasar utama negara.

ISU-ISU UTAMA YANG MUNGKIN BERBANGKIT



Isu 2: Penguatkuasaan Undang-Undang Alam Sekitar Negeri

Undang-undang alam sekitar yang dirujuk di dalam bab ini telah ditakrifkan sebagai undang-undang yang digubal oleh Parlimen dan dikuatkuasakan oleh Kerajaan Persekutuan. Dengan adanya definisi ini, undang-undang alam sekitar yang digubal oleh Kerajaan Negeri tidak tertakluk kepada obligasi yang dinyatakan di dalam Artikel Komitmen Umum mengenai Penguatkuasaan Undang-Undang secara Efektif.

Sekiranya Kerajaan Negeri kurang menjalankan aktiviti penguatkuasaan atas sebab-sebab tertentu seperti kekangan sumber tenaga atau kewangan, maka TPPA tidak akan menghukum Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, penguatkuasaan undang-undang secara efektif adalah salah satu prinsip utama bagi memastikan alam sekitar dipelihara dengan baik dan juga akan menunjukkan komitmen tinggi Kerajaan terhadap agenda pembangunan mapan. Penguatkuasaan undang-undang alam sekitar Persekutuan mahupun Negeri adalah sebahagian daripada tadbir urus yang baik dan cekap serta akan menunjukkan prinsip ketelusan yang tinggi sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara maju menjelang tahun 2020 mengikut acuan yang tersendiri.

ISU-ISU UTAMA YANG MUNGKIN BERBANGKIT



Isu 3: Subsidi Perikanan

Subsidi perikanan akan diberhentikan sekiranya pemberian subsidi tersebut memberikan kesan yang negatif kepada stok ikan yang berada pada paras yang rendah (overfished condition). Ia adalah bertujuan untuk mengelakkan kepupusan sepsis ikan disebabkan oleh aktiviti penangkapan ikan secara berlebihan. Ia juga adalah untuk memastikan stok ikan berada dalam keadaan yang mapan supaya aktiviti penangkapan ikan dan pendapatan nelayan tidak terjejas disebabkan oleh kepupusan stok ikan yang ditangkap secara berlebihan.

Walau bagaimanapun, pemberhentian subsidi ini adalah langkah sementara sahaja sehingga stok ikan tersebut kembali kepada tahap yang optimum. Pihak berkuasa negara iaitu Jabatan Perikanan Malaysia akan menjadi pihak berkuasa utama untuk mengesahkan status stok ikan di perairan Malaysia bagi tujuan melaksanakan obligasi ini.

ISU-ISU UTAMA YANG MUNGKIN BERBANGKIT



Isu 4: Ketiadaaan artikel/teks berkaitan dengan perubahan iklim (climate change)

Isu perubahan iklim merupakan isu sensitif kepada beberapa negara di dalam TPP. Walau bagaimanapun, isu ini telahpun dimasukkan di dalam artikel *Transition to Low Carbon Society* dan artikel ini menekankan langkah-langkah mitigasi dan adaptasi bagi tujuan pengurangan pelepasan gas rumah hijau yang merupakan salah satu penyumbang utama kepada perubahan iklim

Disamping itu, terdapat beberapa bidang yang boleh membantu kepada pengurangan kesan perubahan iklim telah dinyatakan di dalam artikel tersebut bagi tujuan kerjasama contohnya seperti peralihan kepada penggunaan tenaga yang boleh diperbaharui (*renewable energy*)

ISU-ISU UTAMA YANG MUNGKIN BERBANGKIT



ISU 5: Liputan peruntukan yang tidak mencukupi atau kurang penekanan ke atas isu-isu berkaitan biodiversiti, pemuliharaan dan perikanan marin (biodiversity, conservation and marine fisheries)

Terdapat beberapa obligasi utama yang telah dinyatakan dan diterima di dalam artikel-artikel biodiversiti, pemuliharaan dan perikanan marin. obligasi-obligasi tersebut adalah mencukupi/memadai untuk menangani sebarang isu-isu yang berkaitan dengan bio-piracy, illegal wildlife trading dan illegal fishing

Tambahan pula terdapat komitmen/keperluan kepada setiap negara ahli TPP untuk sentiasa berusaha meningkatkan tahap perlindungan alam sekitar masing-masing dari semasa ke semasa.

ISU-ISU UTAMA YANG MUNGKIN BERBANGKIT



ISU 6: Ketiadaan komitmen yang kukuh ke atas isu berkaitan jenayah perdagangan hidupan liar (wildlife trade crime)

Di dalam artikel Conservation terdapat peruntukan yang khusus bagi membanteras aktiviti perdagangan haram flora dan fauna

Penekanan khas juga diberikan terhadap implimentasi CITES disamping komitmen untuk mengenakan tindakan punitif terhadap penjenayah yang terlibat di dalam aktiviti haram tersebut

ISU-ISU UTAMA YANG MUNGKIN BERBANGKIT



ISU 7: Mekanisme penguatkuasaan yang lemah di dalam perjanjian

Terdapat satu artikel khusus yang memberikan penekanan terhadap penguatkuasaan undang-undang alam sekitar secara efektif

berdasarkan artikel *General Commitments* tiada sebarang pengecualian atau kelonggaran undang-undang yang boleh diberikan kepada para pelabur atau syarikat atau bagi tujuan menarik lebih banyak pelaburan dan perdagangan ke dalam negara

ISU-ISU UTAMA YANG MUNGKIN BERBANGKIT

ISU 8: ISDS (Investor State Dispute Settlement) - terdapat laluan untuk sesebuah syarikat untuk mengambil tindakan undang-undang ke atas pihak Kerajaan sekiranya perniagaan/pelaburan mereka terjejas akibat daripada pengenalan peraturan-peraturan baru berkaitan alam sekitar. Peruntukan di dalam bab alam sekitar adalah tidak begitu kuat untuk mengatasi peruntukan di dalam bab pelaburan. Justeru, pihak Kerajaan boleh disaman.

Walaupun terdapat laluan untuk pihak pelabur atau syarikat mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak kerajaan disebabkan oleh kerugian yang dialami kesan daripada penguatkuasaan undang-undang alam sekitar yang baru atau langkah-langkah perlindungan alam sekitar tambahan, ianya adalah tidak begitu mudah dan perlu melalui pelbagai peringkat atau proses

ISU-ISU UTAMA YANG MUNGKIN BERBANGKIT



Selain daripada itu, pihak pelabur/syarikat tersebut perlu terlebih dahulu membuktikan dengan kukuh bahawa langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan untuk memelihara alam sekitar adalah salah dan menjejaskan pendapatan atau pelaburan mereka

Bab alam sekitar juga akan dapat membantu pihak kerajaan di dalam memberikan justifikasi ke atas tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan untuk melindungi alam sekitar berdasarkan komitmen dan obligasi yang terkandung di dalam bab alam sekitar TPP

Fleksibiliti

- Undang-undang alam sekitar negeri **tidak tertakluk** kepada obligasi-obligasi di bawah bab ini
- **Hak kedaulatan** setiap negara TPP adalah **diiktiraf dan dijamin**
- **Mengekalkan hak untuk menggunakan budi bicara dan membuat keputusan** mengenai penyiasatan, pendakwaan, peraturan, pematuhan dan peruntukan sumber penguatkuasa alam sekitar
- Mempunyai **3 peringkat konsultasi wajib** sebelum membawa sebarang pertikaian ke Mekanisme Penyelesaian Pertikaian
- Mempunyai **tempoh peralihan 3 tahun** bagi pemansuhan subsidi perikanan
- Kebanyakan langkah-langkah pematuhan adalah **bersifat sementara**
- Kriteria untuk menerima laporan bertulis daripada orang awam telah diwujudkan
- Sekiranya pertikaian adalah mengenai CITES, maka salah seorang panel di dalam tribunal perlu di lantik di kalangan pakar-pakar CITES

- Artikel Perikanan tidak digunapakai terhadap perikanan akuakultur
- Kepentingan nelayan berskala kecil dan komuniti sekeliling telah dimasukkan di dalam artikel Perikanan laut.
- Semua subsidi perikanan tidak perlu dimansuhkan apabila TPP berkuatkuasa. Hanya subsidi yang memberi kesan negatif kepada stok ikan yang berada di dalam keadaan *overfished* sahaja perlu dimansuhkan buat sementara waktu (langkah sementara)
- Instrumen Antarabangsa yang dirujuk di dalam bab ini adalah perjanjian-perjanjian antarabangsa yang Malaysia menjadi ahli
- Malaysia akan menentukan dan mengumumkan status stok ikan di perairan Malaysia. Ini akan menjadi rujukan yang muktamad bagi mengesahkan keadaan stok ikan di perairan Malaysia.

Fleksibiliti



- Tidak perlu untuk melaksanakan semua resolusi CITES. Hanya resolusi yang terpakai bagi Malaysia sahaja perlu dilaksanakan.
- Malaysia mengekalkan hak untuk menentukan 'bukti yang boleh dipercayai'
- Malaysia boleh mengambil apa-apa langkah termasuk perkongsian maklumat atau langkah-langkah pentadbiran jika ada flora dan fauna liar diambil atau didagangkan dengan melanggar undang-undang negara asal flora dan fauna tersebut (undang-undang Asing)
- *Drafter's Note* untuk menambah kejelasan kepada jenis-jenis langkah yang boleh diambil oleh Malaysia jika flora dan fauna liar diambil atau didagangkan dengan melanggar undang-undang negara asal flora dan fauna tersebut telah dimasukkan di dalam teks. *Drafter's Note* ini akan membolehkan Malaysia untuk mengambil sebarang langkah yang sesuai untuk memenuhi kewajipan ini

Keperluan Khusus untuk Malaysia



Penubuhan Jawatankuasa Kebangsaan untuk memantau dan menyelaraskan pelaksanaan bab alam sekitar dalam semua Perjanjian Perdagangan Bebas (FTAs)

- Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya bertarikh 13 Jun 2014 telah bersetuju untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kebangsaan untuk memantau dan menyelaraskan pelaksanaan bab alam sekitar dalam Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) yang ditandatangani oleh Kerajaan Malaysia.
- Banyak perkara-perkara alam sekitar adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri seperti yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan.
- Oleh itu, satu jawatankuasa yang terdiri daripada semua wakil-wakil Kerajaan Persekutuan dan Negeri diperlukan untuk menyelaraskan dan memantau pelaksanaan obligasi Malaysia di bawah Bab Alam Sekitar dalam semua FTA, seperti komitmen untuk menangani pembalakan haram, perikanan dan penyeludupan hidupan liar.
- Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar akan menjadi Pengerusi bagi jawatankuasa ini dan akan terdiri daripada semua Exco Negeri yang bertanggungjawab bagi alam sekitar, Menteri-Menteri Persekutuan dan Agensi Persekutuan yang berkaitan

Keperluan Khusus untuk Malaysia



Surat Sampingan dengan semua negara mengenai Pengetahuan Tradisi Berkaitan dengan Sumber Genetik

- Malaysia akan menandatangani surat sampingan mengenai Pengetahuan Tradisi Berkaitan dengan Sumber Genetik dengan semua Pihak
- Kandungan surat sampingan adalah untuk mengiktiraf dan menangani isu Pengetahuan Tradisi yang berkaitan dengan sumber genetik (Akses Perkongsian Faedah) dan juga perkongsian yang saksama faedah yang dihasilkan dari penggunaan pengetahuan tersebut.
- Surat Sampingan ini akan dilampirkan bersama bab alam sekitar

Maklumat lain yang berkaitan



Kebaikan

- Meningkatkan perlindungan alam sekitar
- Memastikan sumber asli diurus secara mampan
- Meningkatkan kesedaran perlindungan alam sekitar di kalangan orang ramai
- Semua undang-undang alam sekitar akan dikuatkuasakan secara efektif untuk mengelakkan pelanggaran obligasi di bawah perjanjian ini yang boleh membawa kepada sekatan, pampasan atau penilaian kewangan
- Penggunaan sumber genetik secara tanggungjawab
- Berkongsi manfaat yang timbul daripada penggunaan sumber genetik
- Penggunaan mekanisme pasaran sukarela seperti Malaysian Timber Certificate Scheme (MTCS) dan *Eco labeling* akan mengiktiraf produk berasaskan sumber-sumber hutan adalah dihasilkan daripada sumber yang sah. Ini akan meningkatkan akses pasaran produk-produk ini

Maklumat lain yang berkaitan



Kebaikan

- Meningkatkan kerjasama antara negara-negara TPP berkongsi pengetahuan, teknologi, maklumat, pakar-pakar, sumber, hasil penyelidikan dan lain-lain yang akan memberi manfaat kepada negara dalam pengurusan alam sekitar
- Membantu Malaysia memerangi penangkapan ikan secara haram, tidak terkawal, dan tidak dilaporkan (IUU) dan juga perdagangan haram flora dan fauna liar
- Meningkatkan perdagangan barangan alam sekitar melalui penurunan tarif
- Golongan profesional dari Malaysia seperti juruukur untuk menyediakan perkhidmatan alam sekitar di negara-negara lain (mengembangkan perniagaan perundingan)

Keburukan

- Bilangan pegawai penguatkuasa dan peruntukan bagi jabatan-jabatan yang berkaitan termasuk Kementerian perlu ditambah
- Sebahagian daripada pendapatan nelayan-nelayan akan terjejas apabila subsidi perikanan diberhentikan buat sementara waktu
- Bab ini adalah tertakluk kepada Mekanisma Penyelesaian Pertikaian



TERIMA KASIH